

SOALAN PK TAHUN 6

1. Dalam sajak 'Hargai Perubahan' menunjukkan cara menghargai perubahan diri iaitu
 - A. Tidak menjaga kebersihan diri
 - B. Berpakaian menjolok mata
 - C. Kurang keyakinan diri
 - D. Jaga batas pergaulan
2. Berikut merupakan aktiviti yang mendorong tingkah laku seksual kecuali ...
 - A. Menonton bahan pornografi
 - B. Berdua-duaan di dalam kelas
 - C. Jalan beramai-ramai
 - D. Melepak di taman
3. Keupayaan menyatakan pendapat dan perasaan sama ada positif atau negatif secara jelas dan jujur tanpa dipengaruhi oleh orang lain disebut ...
 - A. Kemahiran asertif
 - B. Kemahiran menaakul
 - C. Kemahiran meramal
 - D. Kemahiran menggambar
4. Apakah risiko menghantar mesej berbaur lucah kepada rakan lelaki atau perempuan?
 - A. Mendorong kepada hubungan seksual sebelum ikatan yang sah
 - B. Membina hubungan yang sihat dan positif
 - C. Membentuk pemikiran yang waras
 - D. Mengurangkan tingkah laku negatif
5. Berikut merupakan kesan tingkah laku seksual terhadap diri mangsa kecuali ...
 - A. Ketagihan melakukan aktiviti seksual
 - B. Hamil luar nikah
 - C. Jangkitan penakit HIV dan AIDS
 - D. Disayangi masyarakat
6. Dadah merupakan negara nombor satu.
 - A. Sahabat
 - B. Jiran
 - C. Musuh
 - D. Saudara
7. Pernyataan manakah yang benar.
 - A. Dadah menjadikan badan sihat, otak cergas
 - B. Dadah bagus untuk kesihatan diri
 - C. Dadah pemusnah generasi
 - D. Dadah pembina generasi

8. Sapiq mulai tertarik dengan rakan perempuan di dalam kelasnya. Ini menunjukkan dia mengalami
- A. Perubahan naluri seksual
 - B. Perubahan naluri makan
 - C. Perubahan naluri minum
 - D. Perubahan naluri sayang
9. Contoh perubahan emosi remaja adalah seperti berikut kecuali ...
- A. Sedih
 - B. Tidak sabar
 - C. Gembira
 - D. Beremosi
10. Guru yang bertanggungjawab dalam memberi khidmat nasihat di sekolah ialah ...
- A. Guru kantin
 - B. Guru bertugas
 - C. Guru kaunseling
 - D. Guru tarian
11. Apakah tindakan kamu jika terdapat kerosakan peralatan sukan semasa menggunakannya?
- A. Buat-buat tidak nampak kerosakan tersebut
 - B. Melaporkan kepada pekerja kantin sekolah
 - C. Menambahkan lagi kerosakan pada alatan tersebut.
 - D. Menukar alatan lain dengan kebenaran guru
12. Pasukan futsal Mogen telah tewas diperingkat pusingan awal. Penyokongnya tidak berpuas hati dengan keputusan itu lalu mengejek Mogen dan rakan-rakannya. Apakah tindakan Mogen selaku ketua pasukan ?
- A. Memaki hamun semula terhadap penyokong tersebut
 - B. Mengamuk dengan menyepak bola ke dalam longkang
 - C. Mengajak kumpulannya memukul penyokong tersebut
 - D. Menenangkan perasaan kumpulannya
13. Shidah dan Munirah ialah murid tahun 6 Jelita. Suatu hari mereka bergaduh disebabkan berebut teman lelaki. Apakah tindakan yang sewajarnya mereka lakukan ?
- A. Bergaduh setiap kali berjumpa.
 - B. Menanam dendam kesumat kerana mencintai lelaki yang sama
 - C. Dengan rela hati berkongsi teman lelaki tersebut
 - D. Melupakan hal tersebut sebaliknya menumpukan terhadap pelajaran
14. Ally dan Azry pergi ke sekolah dengan menaiki basikal. Tiba-tiba Azry terjatuh ke dalam longkang kerana terlanggar batu kecil di atas jalan. Apakah tindakan Ally ketika itu?
- A. Dengan pantas mentertawakan Azry
 - B. Melompat dari basikalnya untuk turut serta jatuh ke dalam longkang

- C. Memberi bantuan kecemasan pada Azry dengan segera
D. Mengejek Azry buta dan tidak pandai mengelak
15. Khairulbudin telah menewaskan Hafizbudin dalam satu pertandingan ping pong. Bagaimanakah cara untuk Khairulbudin meraikan kemenangan tersebut ?
- A. Dengan berlagak mengaku diri hebat
B. Mengejek Hafizbudin lemah dan tak pandai bermain
C. Membaling bat ping pong ke muka Hafizbudin sebagai tanda kemenangan
D. Bersyukur dan merendah diri
16. Mujil sedang berlatih menangkap dan membaling bola softball dengan rakannya. Tiba-tiba bola tersebut terkena pipi Mujil. Mengapakah kejadian ini berlaku ?
- A. Mujil menangkap bola sambil mencangkung
B. Rakan Mujil membaling bola terlalu perlahan
C. Tangan Mujil terlalu pendek
D. Mujil memejamkan matanya ketika menangkap bola tersebut.
17. Antara jenis air berikut, yang manakah perlu diambil secara kerap ketika cuaca panas ?
- A. Air coke B. Air paip C. Air mineral D. Air peluh
18. Sekiranya berlaku kebakaran, siapakah yang perlu dihubungi terlebih dahulu ?
- A. Balai polis B. Hospital C. Balai bomba D. Rela
19. Apakah yang dimaksudkan dengan preskripsi doktor ?
- A. Larangan doktor B. Arahan doktor C. Tugas doctor D. Arahan pesakit
20. Berikut adalah peralatan yang terdapat dalam peti pertolongan kecemasan kecuali ...
- A. Kapas B. Gunting C. Gergaji D. Ubat luka
21. Apakah yang perlu kita lakukan apabila menghadapi masalah ?
- A. Menyelesaikan masalah tersebut dengan terburu-buru
B. Menangis dan menjerit sekuat-kuat hati
C. Mengganggu orang lain untuk melepaskan tekanan
D. Bertenang dan berfikir secara rasional
22. Di manakah tempat yang sesuai untuk mengesan tekanan nadi tubuh badan ?
- A. Di kepala C. Di kaki
B. Di pergelangan tangan D. Di bibir
23. Bilakah waktu yang sesuai untuk berkhemah ?

- A. Semasa musim tengkujuh
- B. Minggu peperiksaan
- C. Waktu senggang
- D. Semasa diri sedang demam

24. Apakah ciri-ciri padang yang sesuai untuk dijadikan tempat permainan ?

- A. Padang yang bersema bersepa
- B. Padang yang rata
- C. Terdapat tin-tin kosong yang
- D. Padang yang berbonggol

25. Mengapa kita perlu melakukan aktiviti memanaskan badan sebelum bersukan ?

- A. Untuk mengelakkan kecederaan
- B. Supaya badan berasa penat
- C. Supaya dapat berbual dengan rakan
- D. Untuk menghabiskan masa

26. Apakah jenis minuman yang boleh memabukkan ?

- A. Air sirap
- B. Air milo
- C. Air brandy
- D. Air perigi buta